

18/04/2000

Malaysia komited kekalkan hutan

Ahmad Fauzi Mustafa

KOMITMEN Malaysia mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus Hutan Hujan Tropika seperti dijanjikan lapan tahun lalu di Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai pembangunan dan alam sekitar di Rio de Janeiro, Brazil, sedang dipenuhi sekarang.

Menerusi pelancaran kempen aktiviti menanam pokok di seluruh negara, 3 Mac 1997 oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, lebih 2.2 juta pokok atau 73.8 peratus sudah ditanam daripada sasaran tiga juta pokok yang ditetapkan sehingga akhir tahun ini.

Johor adalah negeri pertama mencapai sasaran menanam pokok dengan 397,069 pokok iaitu 120.22 peratus, diikuti Pahang (115.7 peratus), Perak (95.7 peratus), Negeri Sembilan (88.1 peratus), Perlis (86.6 peratus), Selangor (82.6 peratus), Melaka (77.5 peratus) serta Terengganu (77.3 peratus).

Malah turut dijangkakan, 20 juta pokok akan ditanam menjelang 2020. Sama ada hasrat itu tercapai, hanya keadaan dan masa saja yang akan menentukan.

Apa pun, persoalan sekarang ialah sama ada negara dunia lain turut komited seperti mana yang ditunjukkan Malaysia yang kini mensasarkan matlamat menjadi negara taman menjelang 2005.

Bagi membuktikan pada dunia bahawa Malaysia terus komited, tarikh 12 Ogos depan, di atas usaha badan bukan kerajaan (NGO), swasta dan Jabatan Lanskap Negara akan melancarkan Program Sumbangan Pokok Alaf Baru Untuk Negara (Millennium Gift Of Tree for The Nation).

Sebanyak 100,000 pokok akan ditanam secara serentak di seluruh negara sebagai satu komitmen alaf baru.

Atas usaha itu, satu catatan dalam Malaysia Book Of Records dan Guinness Book Of World Record bakal disaksikan sempena bilangan pokok yang paling banyak ditanam pada satu-satu masa.

Sebenarnya, hanya Malaysia saja yang berani memberi jaminan memulihara separuh hutannya untuk dikekalkan buat selama-lamanya, sementara negara dunia lain sekadar menjanjikan antara 15 hingga 30 peratus.

Apa pun, satu pandangan yang lebih menyeluruh mengenai pembangunan boleh diutarakan untuk memastikan persoalan alam sekitar diambil kira dalam setiap pembangunan.

Inilah sebenarnya dicari-cari Malaysia sebagai satu identiti atau mercu tanda menerusi kempen aktiviti menanam pokok yang mahu menjadikan negara ini terkenal dengan alam flora dan faunanya.

Seperti kota raya London dengan 'Big Ben', China dengan 'Tembok Besar', bandar raya Paris dengan 'Arc de Triumph', Istanbul dengan 'Blue Mosque' dan Belanda dengan terusan, Malaysia juga mahu dikenali sebagai negara taman atau sekurang-kurangnya menerusi ibu kotanya iaitu Kuala Lumpur sebagai 'Bandar Taman Bercahaya' atau Garden Light City.

Perkara itu sebenarnya tidak mustahil kerana usaha sudah dijalankan bagi mempertingkatkan tahap kehijauan, kualiti lanskap dan alam sekitar di seluruh negara dengan membabitkan semua lapisan masyarakat.

Contoh terbaik Malaysia yang sudah mula mengorak langkah ke arah negara taman ialah kewujudan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang masih mengekalkan hutannya serta Litar Sepang, lebih lagi reka bentuk litar antarabangsa itu bercirikan helaihan daun, taman riadah dan rekreasi di Kuala Lumpur City Centre (KLCC), serta bandar Putrajaya dan Cyberjaya yang mengekalkan hutan bakau.

Seharusnya, pelan dan strategi pembangunan perlu dapat mengekalkan

intergriti seluruh ciptaan Tuhan dan tidak mengucur-kacirkan keseimbangan ekologi.

Malaysia sebenarnya tidak menghadapi masalah dengan hutan sedia ada kerana sebagai negara yang pesat membangun, ia sememangnya mempunyai banyak sumber asli yang perlu dipelihara bagi mewujudkan keadaan lanskap yang dikehendaki.

Alam semula jadi di sini saja adalah rumah kepada 15,000 spesies tumbuhan berbunga dan pokok, 700 spesies burung, 300 spesies mamalia, 300 spesies reptilia, 165 spesies amfibia, 300 spesies ikan air tawar dan berjuta spesies serangga.

Dari situ, seharusnya sumber asli yang bernilai ini patut dipelihara dan dieksploitkan sebaik mungkin supaya tidak menggugat keasliannya supaya lanskap Malaysia kekal antara yang menarik dan unik di dunia.

Ia merangkumi hutan tertua di dunia, aliran sungai, lautan dan pesisiran pantai menarik serta gunung-ganang yang kaya dengan tarikan semula jadi.

Paling penting, prinsip utama yang perlu dipatuhi dalam usaha mempertingkatkan kepentingan pemuliharaan lanskap adalah:

- \* Kepekaan terhadap komponen fizikal membentuk keistimewaan tempat.
- \* Penekanan diberikan ke atas semua aspek kepentingan budaya pada peringkat perancangan, reka bentuk dan pelaksanaan.
- \* Menggunakan teknik atau kaedah yang sesuai dengan keadaan dan kepentingan setempat.
- \* Berusaha menentukan pemeliharaan sesuatu unsur fizikal kekal pada tempat asalnya dan jika penyesuaian dibuat, ia hendaklah diolah dengan baik.
- \* Mendapat pandangan atau pembabitan penduduk setempat, kajian ringkas mengenai sejarah tempat adalah lebih manfaat.

Berdasarkan kajian yang dibuat di luar negara, penanaman sejumlah 500,000 pokok boleh menyerap 6,500 tan metrik habuk atau satu tan metrik habuk bagi setiap 77 pokok.

Malahan, satu hektar kawasan yang ditanam dengan pokok menyerap 900 kilogram karbon dioksida dan mengeluarkan 600 kilogram oksigen. Hasil kajian lain juga menunjukkan kawasan seluas 40 meter persegi yang ditanam dengan pokok rendang (sebesar saiz Rain Tree) dapat mengeluarkan cukup oksigen untuk pernafasan seorang individu.

Daripada maklumat itu adalah jelas fungsi dan peranan yang dimainkan oleh penanaman pokok mahu pun kewujudan hutan hujan tropika di negara ini.

Atas faktor itu, kempen aktiviti menanam pokok seperti yang dicanangkan oleh Perdana Menteri adalah relevan dan menjadi tanggungjawab semua pihak bagi memastikan setiap pokok dipelihara dan tidak dimusnahkan.

Pembangunan tidak bermakna pemusnahan sebaliknya pemuliharaan pokok sedia ada adalah juga satu pembangunan.

Sejajar dengan peringatan Islam dalam al-Quran surah ar Rum: ayat 41, "Telah nampak kerosakan di darat dan laut disebabkan kerana perbuatan tangan manusia, supaya Allah merasakan kepada mereka sebahagian daripada (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar)".

Oleh kerana punca utama kerosakan alam sekitar adalah manusia, maka jalan penyelesaiannya ada di tangan manusia juga.

Justeru, alam sekitar termasuk saluran air, sungai dan laut, udara, tanah dan kawasan kediaman perlu dilindungi daripada kesan berbahaya.

Didikan daripada prasekolah sehingga ke peringkat dewasa harus berterusan dalam memelihara alam hijau sebagai pengekalan untuk generasi akan datang.

(END)